

# Tanam pokok

## elak hakisan pantai



Peserta bergotong-royong menanam anak pokok bakau.

Oleh **Rahmawati Nurdin**  
bhvarsiti@bh.com.my

Merlimau

ran Kolej Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM), 40 pelajar kolej berkenaan bergotong-royong menanam semula 200 anak pokok bakau bagi memulihara persekitaran pantai daripada hakisan. Pengetua Kolej Canselor UPM, Dr Paiman Bawon, berkata program berjaya memberi pengalaman baharu kepada pelajar terhadap kepentingan menjaga alam sekitar selain peranan mereka bagi mengekalkan habitat di kawasan berkenaan.

Katanya, kesedaran terhadap pemuliharaan sumber dan kepentingan biodiversiti

**B**iarpun bergelumang dengan lumpur dan terdedah kepada panas terik matahari, kepuasan jelas tergambar pada wajah 40 peserta program penanaman semula anak pokok bakau di Pantai Siring, Kampung Pulau, di sini, baru-baru ini.

Menerusi program anju-



Sebahagian daripada peserta program penanaman semula anak pokok bakau di Pantai Siring.



Aktiviti mengecat rumah penduduk kampung.

perlu dipupuk dalam kalangan pelajar bagi memastikan dapat dipertahankan dan berkekalan.

### Timba pengalaman

“Dengan membabitkan diri dalam aktiviti sebegini, mereka secara tidak langsung boleh menimba pengalaman dan memahami kepentingan ekosistem paya laut dengan lebih baik serta mampu meningkatkan kesedaran dalam pen-

### FAKTA NOMBOR

**200**  
anak

pokok bakau ditanam semula di Pantai Siring, Kampung Pulau

jagaan alam sekitar,” katanya.

Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Canselor, Rosni Muhammat Daut, berkata program sedemikian banyak memberikan pendedahan kepada pelajar untuk lebih menghargai dan memulihara alam sekitar.

Katanya, peserta akan melakukan pemantauan bagi melihat perkembangan program itu dari semasa ke semasa.



Wajah ceria peserta ketika melakukan aktiviti penanaman.